



Perawatan

Luka

Luka yang diabaikan,
adalah luka yang dijangkiti.

Jangan berlengah lagi, mulakan rawatan!

Apa itu luka?

- Luka adalah sesuatu kecederaan kepada kulit atau tisu yang dalam menyebabkan kerosakan fungsi tisu yang normal.
- Biasanya, kulit cepat sembuh dengan sendirinya.
- Apabila luka tidak sembuh dengan cepat, ia adalah luka kronik yang memerlukan penjagaan khas untuk sembuh. Luka boleh berlaku secara tidak sengaja, dari pembedahan, atau mungkin berlaku kerana penyakit yang sedia ada (contohnya penyakit kencing manis).

Luka-luka lain termasuk:

- Tekanan yang mengakibatkan kecederaan kepada kawasan yang bertulang hingga menyebabkan kulit rosak.
- Ulser di saluran darah atau sistem vena (kecederaan pada kaki dan tapak kaki kerana peredaran darah yang lemah)
- Ulser dari penyakit kencing manis (dari peredaran darah yang lemah, kehilangan deria rasa dan sebagainya).



Luka yang di tutup dengan pembalut,
mengurangkan rasa sakit dan risiko
jangkitan.

Mengapa luka saya tidak sembuh?

Apabila anda mempunyai luka yang terbuka, kuman dari kulit anda boleh memasuki luka.

Bakteria di dalam luka dipanggil pencemaran. Pencemaran tidak menjadi masalah jika bakteria tidak membiak.

Pencemaran berlaku apabila bakteria membiak dan menyerang tisu-tisu. Pencemaran ini mencegah luka tersebut daripada sembuh.

Faktor-faktor lain yang memperlambatkan penyembuhan luka:

- Zat makanan yang kurang baik
- Penyakit seperti penyakit kencing manis , penyakit ginjal, hati dan paru-paru.
- Perawatan seperti kemoterapi atau terapi radiasi.
- Merokok
- Kegemukan

Fakta - Dalam sehari, empat orang kehilangan anggota badan kerana komplikasi berkaitan dengan penyakit kencing manis di Singapura.

•Bilakah saya harus mendapatkan bantuan profesional?

- Anda mengidap penyakit kencing manis atau penyakit saluran darah.
- Terdapat semakin kemerahan, bengkak dan rasa sakit di sekitar tempat luka dan terasa hangat bila disentuh. Kemerahan dan kehangatan adalah normal pada peringkat awalnya. Dalam seminggu, ia seharusnya hilang.
- Luka kelihatan kekuningan, pucat atau hitam, mempunyai bau yang busuk atau mengeluarkan cecair hijau atau nanah.
- Anda demam, menggigil, merasa loya atau muntah-muntah.
- Luka tidak sembuh dalam masa empat minggu.

Hospital St Luke memberi perhatian kepada pesakit yang mengalami luka yang rumit, membantu mereka sembuh dengan selamatnya.

Perawatan luka diadakan di hospital dan juga di rumah.

- **Rawatan di Hospital:** 6895 3290, referral@stluke.org.sg
- **Klinik Masyarakat Hospital St Luke:** 6895 3230, outpatientclinic@stluke.org.sg
- **Rawatan di Rumah:** 6895 3204, hcs@stluke.org.sg

Pusat Kemasyarakatan Rawatan Luka di Hospital St.Luke

Hospital St. Luke telah merawat pesakit yang memerlukan rawatan luka berterusan.

Pada tahun 2016, kami menubuhkan Pusat Kemasyarakatan Rawatan Luka. Sebagai satu pusat sumber sehenti, ia menyediakan pengurusan penjagaan luka bersepadu dan pengkongsian pengetahuan, kemahiran dan amalan terbaik pengurusan luka.

Dengan pasukan yang berdedikasi dari pelbagai disiplin seperti doctor, jururawat dan pakar diet, Hospital St. Luke's telah merawat ramai pesakit dengan pelbagai jenis luka, menolong mereka pulih dalam masyarakat kita.



Setelah pembedahan, Pang Jui Min (kanan) dipindahkan ke Hospital St Luke dan menerima rawatan luka.

St Luke's Hospital

2 Bukit Batok Street 11 Singapore 659674

Tel: 6563 2281 **Fax:** 6561 8205

Email: general@stluke.org.sg

● slh.org.sg ● fb.com/slhsg ● giving.sg/slh



Office hours

Mon–Fri

8.30 am–5.30 pm

Sat

8.30 am–12.30 pm

Closed on Sundays
and public holidays

By MRT

Alight at Bukit Batok MRT Station, take feeder service 991 from Bukit Batok Bus Interchange.

By car

Limited car park lots are available within the hospital. Additional car parks are available at Blk 142, 160 and 161. A multi-storey car park is located at Blk 154A.

Posed photos of patients and clients are for illustration only.